



## **1. PEGAWAI SAINS GRED C41 (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji    P1 RM1,939.89 (Minimum) - RM5,555.05 (Maksimum)  
                    P2 RM2,048.38 (Minimum) - RM5,872.53 (Maksimum)  
                    P3 RM2,161.60 (Minimum) - RM6,198.16 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) ijazah Sarjana Muda Sains Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C41:P1 RM2,147.45)
- dan      (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Pergigian dan Juruteknologi Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Sains Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- (i) mempunyai kelayakan dalam perenggan (a) di atas; dan  
(ii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **Syarat Lantikan Tambahan**

**Bagi jawatan yang ditawarkan di Fakulti Teknologi, Kampus Gambang.**

**Keutamaan kepada calon:**

- (a) mempunyai pengalaman bekerja di Makmal Penyelidikan & Pembangunan/Makmal Pengajaran & Pembelajaran.
- (b) mencapai Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.
- (c) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilih).

## **PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja berkaitan.

## **SYARAT-SYARAT UMUM**

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **TARAF JAWATAN**

Jawatan akan dilantik secara **kontrak**.

## **PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatian Perkhidmatan) 2012, Para 18.

## **UMUR PADA TARikh TUTUP IKLAN**

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

## **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjuru kiri muka hadapan sampul surat.

Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada :

**PENDAFTAR,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,  
LEBUHRAYA TUN RAZAK,  
26300 GAMBANG, KUANTAN,  
PAHANG DARUL MAKMUR  
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

**CATATAN AM**

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN :**

Pada atau sebelum 26 April 2013.

**Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 3 Mei 2013.**